

11 NOV 1998

Mahkamah-Anwar (Jawatan)

ANWAR JADI TPM DALAM JANGKA MASA 10 TAHUN

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini diberitahu bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri (TPM) dalam jangka masa 10 atau 11 tahun selepas dilantik menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 1982.

Saksi keempat dalam perbicaraan kes rasuah Anwar, Datuk Alias Ali, 50, Timbalan Ketua Setiausaha (Kabinet) di JPM berkata, beliau berpendapat ia mungkin suatu "peningkatan yang meteorik dalam menaiki anak tangga politik."

Beliau berkata demikian ketika bersetuju dengan cadangan peguam Anwar, Christopher Fernando.

Alias memberi keterangan pada hari kelapan perbicaraan Anwar, 51, yang menghadapi empat tuduhan rasuah kerana didakwa campurtangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks beliau (Anwar).

Katanya, beliau kenal Anwar sejak tahun 1990 iaitu setelah memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Kabinet) di JPM.

Fernando: Bolehkah awak sahkan bahawa Datuk Seri adalah seorang tokoh yang berkebolehan dan bertanggungjawab?

(Kepada mahkamah, Fernando berkata, ini keterangan mengenai keperibadian)

Alias: Dalam pemerhatian saya, anggapan bahawa Datuk Seri adalah seorang pemimpin yang berkebolehan dan bertanggungjawab, boleh diterima.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail kemudiannya bangun dan berkata, "Saya nak beri notis bahawa saya mungkin akan membawa "keterangan mengenai keperibadian yang buruk mengikut Seksyen 54(i)(b) Akta Keterangan."

Fernando: Daripada pengetahuan kamu, Datuk Seri adalah seorang peramah, mesra, periang, penyayang dan seorang yang merendah diri. Bolehkah kamu sahkan mengenai ini?

Alias: Susah saya nak cakap sebab perhubungan saya dengan Datuk Seri terhad kepada urusan-urusan rasmi dan bersangkutan dengan mesyuarat Jemaah Menteri.

Fernando juga telah meminta Alias menerangkan secara ringkas tugas-tugas dan kuasa Anwar selepas dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Ia secara amnya membantu Perdana Menteri dan menjalankan apa-apa tugas yang diberi oleh Perdana Menteri dari semasa ke semasa," katanya.

Alias berkata, selain menjadi Timbalan Menteri di JPM, Anwar pernah dilantik menjadi Menteri Belia dan Sukan, Menteri Pertanian dan Menteri Pendidikan sebelum menjawat jawatan Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri.

Terdahulu, dalam pemeriksaan utama, Alias memberitahu mahkamah bahawa surat pelantikan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri telah ditandatangani oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sebelum ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong.

-- BERNAMA

TM NMO